

TERMA DAN SYARAT PERADUAN

<u>Penganjur:</u>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 196201000082 (004594-A)
<u>Peraduan:</u>	PERADUAN F&N BELI & MENANG! EKSKLUSIF DI EVERRISE (“Peraduan”).
<u>Tempoh Peraduan:</u>	<p>Peraduan bermula dari 00:00:00, 28/04/2024 dan berakhir pada 23:59:59, 02/06/2024 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu. *</p> <p>*Penyertaan adalah termasuk Aktiviti Jualan pada Hari Pelancaran Peraduan F&N BELI & MENANG! Eksklusif di Everrise</p>
<u>Kelayakan:</u>	Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk Sarawak yang mempunyai Kad Pengenalan yang Sah dan berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur.
<u>Kaedah Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. Untuk menyertai Peraduan, beli produk F&N yang turut serta (semua saiz pek) bernilai minima RM15 (Ringgit Malaysia Lima Belas) yang disenaraikan di bawah dalam satu resit (“Resit”) semasa Tempoh Peraduan dari mana-mana outlet Bataras (“Outlet”) di Sarawak.2. Produk-produk turut serta (“Produk”) adalah:<ol style="list-style-type: none">a. Rangkaian Minuman Isotonik 100 Plusb. Rangkaian Minuman Berkarbonat F&Nc. Rangkaian Minuman Seasonsd. Rangkaian Minuman Berkarbonat EST Colae. Rangkaian Minuman Berperisa Sun Valley3. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point of sale Outlet. Resit mesti mengandungi butiran pembelian Produk, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo Outlet.4. Penganjur tidak menerima sebarang pindaan Resit dalam apa jua bentuk. Resit Invois Cukai Bertulis, Pesanan Belian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima.5. Kaedah penyertaan adalah melalui WhatsApp sahaja. Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp. Anda boleh menghantar setiap Resit sekali sahaja. Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana penyertaan WhatsApp dengan Resit yang berulang.
<u>Penyerahan Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. Penyertaan WhatsApp:<ol style="list-style-type: none">a. Tulis di atas Resit nama penuh anda seperti di MyKad dan nombor Kad Pengenalan MyKad anda (“Butiran Peribadi”).

	<p>b. Tangkap 1 (satu) gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format JPEG dalam 1 (satu) Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit anda (“Imej”). Butiran Resit mesti diunjukkan dengan jelas dan boleh dibaca dalam Imej tersebut. 1 (satu) Imej mesti mengandungi 1 (satu) Resit sahaja.</p> <p>c. Imbas Kod QR & HANTARKAN Imej anda yang mengandungi Butiran Peribadi dan Butiran Resit ["Penyertaan"] melalui WhatsApp ke <u>016-6220400</u> dari mana-mana nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia.</p> <p>d. Pautan Terma & Syarat Peraduan akan disertakan dan peserta dikehendaki untuk membaca dan memahami Terma & Syarat Peraduan dengan jelas. Ini adalah untuk memberikan persetujuan anda untuk menerima komunikasi lanjut melalui WhatsApp daripada nombor WhatsApp yang dinyatakan di atas.</p> <p>e. Penganjur AKAN auto-balas dengan menghantar mesej perakuan penerimaan untuk Penyertaan pertama yang diterima oleh setiap nombor mudah alih sahaja.</p> <p>f. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur berhak secara mutlak untuk membatalkan penyertaan yang tidak lengkap dan/atau dengan gambar/imej yang tidak jelas dan tidak boleh dibaca, Resit dicetak semula dan/atau Resit berulang dan/atau mengandungi lebih dari 1 (satu) Resit dan/atau Penyertaan yang lewat diterima (iaitu penyertaan yang diterima selepas <u>23:59:59, 02/06/2024</u>) tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.</p> <p>g. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah.</p> <p>h. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.</p>
<p><u>Peluang Kemenangan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua Penyertaan yang Layak (“Penyertaan Layak”) diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diperuntukkan peluang kemenangan dalam bentuk nombor bersiri mengikut turutan berdasarkan Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. 2. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar seperti di bawah: <ol style="list-style-type: none"> a. Untuk setiap RM15 (Ringgit Malaysia Lima Belas), Penganjur akan memperuntukkan 1 (satu) nombor bersiri b. Untuk setiap RM30 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh). Penganjur akan memperuntukkan 2 (dua) nombor bersiri.

	<p><u>Sebagai contoh:</u></p> <p>Jika anda membeli jumlah produk bernilai RM17.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan 1 (satu) nombor bersiri. Jika anda membeli jumlah produk bernilai RM35.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan 2 (dua) nombor bersiri. Jika anda membeli jumlah produk bernilai RM47.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan 3 (tiga) nombor bersiri. Jika anda membeli jumlah produk bernilai RM59.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan 4 (empat) nombor bersiri. Jika anda membeli jumlah produk bernilai RM75.00 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan 5 (lima) nombor bersiri.</p> <p>3. Satu set nombor bersiri akan diberikan kepada semua Penyertaan Layak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri "1". Sila rujuk kepada fasal Pemilihan Pemenang Hadiah di bawah.</p>
<p><u>Hadiah-Hadiah</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hadiah Pertama : Baucar Tunai Everrise bernilai RM 2,000 x 1 Pemenang 2. Hadiah Kedua: Baucar Tunai Everrise bernilai RM 500 x 2 Pemenang 3. Hadiah Ketiga: Baucar Tunai Everrise bernilai RM 50 x 50 Pemenang
<p><u>Hadiah -Hadiah Pemilihan Pemenang</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. <u>Hadiah:</u> Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan 54 (lima puluh empat) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah-Hadiah. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. <p><u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk peraduan berjumlah 7501, 7501 akan dibahagikan dengan 54 yang bersamaan dengan 138.9. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 139. Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 139 iaitu: 139, 278 dan 417 dan akan menjadi finalis terpilih Hadiah Pertama, Kedua dan Ketiga.</p>

<p><u>Penebusan Hadiah:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberi 1 (satu) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan oleh Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis yang telah hilang kelayakan tersebut. 2. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. 3. Pemenang mesti membekalkan butiran peribadi seperti Nama Penuh seperti di MyKad, nombor MyKad, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui WhatsApp. Kegagalan untuk memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah. 4. Sepanjang Tempoh Peraduan setiap Peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. 5. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang berdasarkan alamat atau lokasi yang dimaklumkan oleh Penganjur. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah fasal ini diatas sebab-sebab yang di luar kawalan Penganjur. 6. Semua pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah. 7. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di laman web: https://www.fn.com.my/promotions-contests/.
<p><u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59, 02/06/2024. Mana-mana Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p><u>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. 2. Penebusan hadiah bergantung kepada ketersediaan hadiah dan akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak atas

budi bicara mutlaknyanya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

3. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit, dengan barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan menerima sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah ditebus oleh pemenang.
4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (iaitu tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang terlibat dalam penebusan atau penggunaan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
5. Semua Peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.
7. Penganjur berhak untuk menarik balik penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada sebarang rayuan atau surat-menyerat akan dilayan.
9. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama, butiran dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu.
10. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan, mekanisme Peraduan, hadiah atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, mana-mana perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan hadiah, Peraduan atau mana-mana bahagian peraduan oleh Penganjur tidak akan melayakkan Peserta untuk sebarang tuntutan atau

	<p>pampasan terhadap Penganjur (dalam bentuk tunai atau barangan) untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pengubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.</p> <p>11. Penganjur juga mengecualikan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Peraduan atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>
<p><u>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendaki daripada anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu). 2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau mengehadakan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di fulfilment@rockmaestro.com. 3. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan anda sekiranya anda tidak bersetuju atas pengumpulan data peribadi anda tanpa sebarang notis terlebih dahulu mengikut budi bicara mutlak Penganjur.
<p><u>Terma Lain:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat kepada Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta bersetuju untuk terikat kepada perubahan sedemikian dengan penyertaan berterusan mereka.

	<p>2. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi laman web di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/.</p>
--	---